

23 JUN 2002

Ling-Mahathir

MCA HARAP PM RASMI PERHIMPUNAN AGUNG PARTI JULAI INI

IPOH, 23 Jun (Bernama) -- MCA berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir akan merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan parti pada 27 Julai ini, seperti yang dilakukan beliau pada tahun-tahun lepas.

Presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata sudah menjadi tradisi upacara perasmian perhimpunan agung MCA disempurnakan oleh Perdana Menteri yang merupakan Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Dr Ling berkata beliau gembira apabila Perdana Menteri menarik balik keputusannya meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN kerana kepimpinannya masih diperlukan oleh parti-parti komponen BN dan seluruh rakyat Malaysia.

"Pengumuman Pak Lah (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) bahawa Dr Mahathir bersetuju untuk kekal (memimpin) menggembirakan saya dan saya berharap beliau akan hadir pada (perhimpunan agung MCA) 27 Julai ini sebagai Pengerusi BN," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan MCA Perak, di sini, hari ini.

Dr Ling berkata beliau dimaklumkan mengenai pengumuman keputusan Dr Mahathir meletakkan jawatan itu di Segamat, Johor semasa merasmikan Konvensyen Tahunan MCA Johor dan beliau tidak percaya dengan berita itu.

"Saya tidak menyangka berita tersebut benar kerana kali terakhir saya berjumpa beliau pada Rabu lepas, beliau jelas begitu bersemangat untuk menjalankan kerja-kerja beliau," katanya.

Bagaimanapun, katanya kesudian Perdana Menteri untuk kekal memimpin Umno dan BN jelas menggembirakan anggota Umno dan MCA kerana kekuatan Umno akan memberikan kekuatan kepada BN.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Ling memberi penjelasan kepada anggota-anggota parti mengenai perkara itu.

Beliau kemudian meminta semua anggota yang hadir supaya berdiri sebagai tanda sokongan kepada Perdana Menteri dan meminta Dr Mahathir terus kekal memegang jawatan sekarang.

-- BERNAMA

KAY NAK